

## **Pengaruh Homofobia Dalaman terhadap Perkahwinan Lelaki Gay**

Nasrudin Subhi

Mohd Radzi Tarmizi A Halim

Ezarina Zakaria

Salina Nen

*Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

### **ABSTRAK**

Homofobia dalaman dikaitkan dengan perasan negatif yang dirasakan oleh seseorang lelaki gay dan menjadi konflik dalaman di dalam dirinya. Homofobia dalaman yang dialami oleh lelaki gay merupakan salah satu petunjuk mengapa mereka mencari sebab untuk berkahwin dengan wanita. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap homofobia yang dialami oleh lelaki gay di Malaysia serta melihat pengaruhnya di dalam menentukan alasan lelaki gay memilih untuk berkahwin atau tidak berkahwin dengan seorang wanita. Responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai 29 orang yang dipilih daripada laman sosial Facebook, e-mel, kampus UKM Bangi serta sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Satu set borang soal selidik mengandungi item latar belakang demografi, *Internalized Homophobia Scale*, serta soalan terbuka tentang alasan lelaki gay berkahwin dan tidak berkahwin dengan wanita telah diedarkan kepada responden. Hasil kajian mendapati bahawa tahap homophobia dalaman lelaki gay bagi sampel ini adalah tinggi iaitu sebanyak 72.7 %. Alasan utama lelaki gay berkahwin adalah untuk mendapatkan zuriat (51.72%), kesedaran merubah identiti seksual (31.03%), desakan keluarga (24.14%) dan damba cinta wanita (24.14%) . Manakala tema utama bagi alasan untuk tidak berkahwin pula adalah tidak yakin melakukan hubungan seks dengan wanita (20.70%), risau terhadap kemampuan mencintai wanita

(17.24%), tidak mahu mengecewakan wanita tersebut (10.34%) dan sukar mencari jodoh (10.34%). Sokongan sosial yang padu berupaya mengurangkan diskriminasi serta tahap homofobia yang dialami oleh lelaki gay di Malaysia.

**Kata kunci:** Homofobia dalaman, lelaki gay, perkahwinan, kualitatif

### ABSTRACT

Internalised homophobia is associated with negative feelings felt by a gay man which caused internal conflict within himself. Internalised homophobia experienced by gay men is one indication of why they are looking for reasons to marry women. Therefore, this study aimed to investigate the level of homophobia experienced by gay men in Malaysia and see its influence in determining the reasons gay men choose to marry or not to marry a women. A total of 29 respondents participated in this study was recruited from the social networking site Facebook, email, UKM campus and around Kuala Lumpur and Selangor. A questionnaire containing demographic background items, Internalized Homophobia Scale, and open questions about why gay men get married and not married to a woman. The results showed that the level of internalised homophobia among gay men for this sample is high which is 72.7% . The main reasons gay men enter a marriage is to have children (51.72%), awareness of sexual identity change (31.03%), family pressure (24.14%) and crave a woman's love (24.14%). Meanwhile, the main reasons not to get married are not confident in having sex with women (20.70%), worry about the ability to love women (17.24%), do not want to disappoint the woman (10.34%) and tough matchmaking (10.34%). Strong social support can reduce the level of homophobia and discrimination experienced by gay men in Malaysia.

**Keywords:** Internalised homophobia, gay men, marriage, qualitative

## PENGENALAN

Perkahwinan merupakan satu fitrah bagi manusia. Semua orang berkeinginan untuk berkahwin termasuklah lelaki gay. Beberapa kajian terdahulu mendapati bilangan lelaki gay berkahwin dengan wanita adalah sangat ramai; sebagai contoh, Pierce (2001) menyatakan bahawa lebih kurang 2 juta orang lelaki gay telah berkahwin dengan wanita. Selain itu, Kaye (2012) turut menyatakan bahawa lebih 76,000 orang wanita yang berkahwin dengan lelaki gay atau biseksual sejak dari tahun 1985. Bozet (1982) pula berpendapat bahawa anggaran terbaik yang ada pada waktu itu bagi bilangan lelaki gay yang berkahwin ialah sebanyak 20 peratus. Namun kajian terperinci berkenaan lelaki gay yang berkahwin masih kurang dijalankan apatah lagi dalam masyarakat Malaysia.

Ramai lelaki gay memilih untuk berkahwin dengan wanita dengan alasan untuk kelihatan normal, mendapatkan keluarga dan zuriat, agar diterima oleh masyarakat, mencintai wanita untuk mengatasi homoseksualiti serta untuk mendapat teman hidup (Cadwell, 2004; Higgins, 2002; Matteson, 1987; Pearcey, 2005; Ross, 1983). Faktor agama juga memberikan pengaruh kepada lelaki gay untuk berkahwin. Kajian telah membuktikan bahawa lelaki gay yang mempunyai kefahaman dan kepatuhan terhadap agama yang tinggi mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk berkahwin dengan wanita berbanding mereka yang kurang patuh kepada agama (Higgins, 2004). Namun bagi melangkah ke gerbang perkahwinan, selain daripada persiapan fizikal dan material, persiapan mental amat penting. Kegagalan dalam membuat persiapan mental yang rapi boleh menyebabkan seseorang lelaki gay mengalami homofobia dalaman.

Antara ciri-ciri homofobia dalaman adalah mempunyai perasaan bersalah, benci diri sendiri dan mempunyai imej sendiri yang negatif (Cabaj, 1996; Gonsiorek, 1988; Herek et al, 1997; Malyon, 1981; Meyer & Dean, 1998; Plumer, 1996;

Stein, 1993). Homofobia dalaman turut meningkat dengan umur, di mana lelaki gay yang berumur 40 tahun ke atas dikatakan mempunyai tahap homofobia lebih tinggi dan cenderung untuk berkahwin (Van de Ven, Rodden, Crawford & Kippax, 1997). Selain itu, lelaki gay mengalami homofobia dalaman lebih tinggi berbanding lesbian disebabkan lelaki mempunyai peranan dan tanggungjawab lebih tinggi dalam memulakan perhubungan seterusnya melamar dan mendirikan rumahtangga (D'Augelli, Grossman, Hersberger & O'Connell, 2001). Subhi dan Geelan (2012) turut mendapati 20 peratus daripada lesbian dalam kajian mereka tidak mengalami konflik di antara keagamaan dan identiti seksual berbanding lelaki gay yang mana kesemua mereka mengalami konflik ini. Tambahan kajian mereka mendapati 25 peratus responden yang mengalami keinginan bunuh diri kesemuanya adalah lelaki. Secara tidak langsung kajian ini turut menyokong pendapat bahawa lelaki gay lebih mengalami homofobia dalaman berbanding lesbian.

Perkahwinan di antara lelaki gay dengan wanita biasanya tidak akan kekal lama sekiranya perkahwinan itu hanya sekadar untuk membuktikan kepada keluarga dan masyarakat bahawa naluri seksual mereka seperti lelaki heteroseksual. Kajian oleh Higgins (2002) melaporkan perkahwinan di antara lelaki gay dan wanita hanya mampu bertahan dengan tempoh purata 16.2 tahun. Bigner (1996) menyatakan ramai lelaki gay yang berkahwin tidak dapat menerima sepenuhnya diri mereka sebagai homoseksual yang membawa kepada homofobia dalaman. Selain itu, berdasarkan kepada konsep *Cognitive Dissonance*, keinginan erotik yang tertekan dan terhalang kerana perkahwinan menyebabkan lelaki gay ini mencari lelaki lain bagi memuaskan nafsu mereka (Higgins, 2002). Jika hal ini tidak dibendung ia berupaya mengundang perceraian dalam perkahwinan. Perceraian yang terjadi pula pasti mempunyai implikasi negatif terhadap lelaki gay itu sendiri, isteri dan anak-anaknya.

Perceraian boleh menyebabkan lelaki gay mempunyai perasaan homofobia dalaman lebih tinggi berbanding sebelum berkahwin mereka menganggap perceraian itu sebagai kegagalan mereka mengawal homoseksualiti mereka (Higgins, 2002; Pearcey, 2005). Bagi para isteri pula mereka sering merasa sedih, tertipu, tidak selamat dan seolah-olah perkahwinan mereka penuh dengan kepura-puraan (Buxton, 2006; Corley & Kort, 2006; Dorothea & Aurele, 1989; Hernandez & Wilson, 2007; Kort, 2005). Faktor ini disebabkan kerana lelaki gay ini takut untuk menceritakan masalah homoseksualiti mereka kepada isteri mereka (Higgins, 2002 & Pearcey, 2005). Selain itu, anak-anak yang dilahirkan di dalam konflik ini akan menunjukkan tanda-tanda seperti pendiam, selalu menyoal, marah, menangis dan takut pada permulaan konflik (Buxton, 2006). Kemudian, kanak-kanak di tahap persekolahan pula akan mudah terdedah kepada ancaman sikap negatif sosial seperti kritikan anti-gay dan tingkah laku seperti ejekan, usikan yang menakutkan, serta akan dimalukan (Ahmann, 1999). Selain itu, bagi anak-anak yang lahir dari dalam keluarga seperti ini juga akan mengalami satu situasi yang sukar dan getir dalam hidup mereka terutama sekali apabila mereka sudah meningkat remaja (Buxton, 2006) dan cenderung untuk menyimpan rahsia bahawa ibu bapa mereka adalah homoseksual daripada pengetahuan orang lain kerana mereka sendiri juga sedang menangani perubahan seksualiti, identiti dan perancangan hidup mereka sendiri (Nagell, 2011). Hernandez dan Wilson (2007) pula berpendapat jika sesebuah keluarga mempunyai fahaman kolot tentang isu homoseksualiti di dalam keluarga mereka, remaja-remaja ini akan mengalami krisis emosi dan spiritual di dalam diri mereka. Mereka juga akan cenderung membenci mana-mana ibu atau bapa mereka yang homoseksual (Buxton & Schwartz, 2004).

Isu gay masih jarang-jarang dibincangkan di Malaysia secara ilmiah dan terbuka. Apatah lagi membincangkan isu homofobia dalaman terhadap perkahwinan dalam kalangan gay. Walaupun isu ini mungkin boleh dianggap terpendcil namun ia perlu diberi perhatian serius agar golongan gay tidak

melihat perkahwinan sebagai suatu pengalaman cuba jaya lantas mencemarkan matlamat kesucian sesebuah institusi perkahwinan. Oleh itu, kertas kerja ini cuba mendalami isu perkahwinan dalam kalangan lelaki gay tempatan sama ada ia berpunca daripada sifat homofobia dalaman yang tinggi atau pun faktor-faktor lain seperti tekanan keluarga, pengaruh dan tarikan rakan yang telah berkahwin, beridentiti sebagai seorang heteroseksual atau pegangan agama. Selain itu kajian ini turut meneroka sebab mengapa lelaki gay tempatan ingin berkahwin serta alasan kenapa mereka menjauhi perkahwinan.

### KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan reka bentuk *The Sequential Explanatory Design*. Reka bentuk ini menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif bagi menghasilkan keputusan yang mampan (Creswell, 2003). Responden dipilih secara pensampelan rawak bertujuan. Borang soal selidik diedarkan menerusi dua cara iaitu secara bersemuka kepada responden dan juga di atas talian. Borang soal selidik secara bersemuka diedarkan di sekitar kampus UKM Bangi, Kuala Lumpur dan Selangor manakala borang soal selidik secara atas talian pula diedarkan melalui e-mel dan Facebook. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan dan hanya 29 (29 %) borang yang lengkap telah dikembalikan. Kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada para responden adalah disebabkan kebanyakan mereka masih diselubungi rasa ragu-ragu untuk berkongsi sesuatu yang dianggap terlalu peribadi dengan umum.

Persoalan dan perbincangan berkenaan alat kajian *Internalized Homophobia Scale* yang digunakan untuk mengukur tahap homofobia dalaman responden ini mempunyai kebolehpercayaan sebanyak 0.92 (Wagner et al., 1994). Borang soal selidik ini turut mengandungi dua buah soalan terbuka tentang alasan berkahwin dan alasan untuk tidak berkahwin bagi lelaki gay. Penyertaan responden kajian adalah secara

sukarela. Persetujuan termaklum telah diperoleh sebelum responden terlibat dalam kajian ini. Dalam masa yang sama, isu kerahsiaan maklumat dan identiti responden turut dijaga dan diklasifikasikan sebagai sulit. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 18.0 manakala data kualitatif pula dianalisis dengan menggunakan kaedah *Thematic Analysis* (Braun & Clarke, 2006).

## DAPATAN KAJIAN

### i. *Latar sosiodemografi*

Hasil analisa dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden berbangsa Melayu iaitu seramai 28 orang (96.6 %) dan seorang berbangsa Bajau (3.4%). Mengikut pecahan umur seramai 2 orang (6.9 %) berumur kurang 20 tahun, 21 orang (72.6 %) berumur 20 hingga 29 tahun dan 6 orang (20.5 %) berumur 30 hingga 39 tahun. Dari segi pendidikan responden, seramai 5 orang (17.2 %) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 2 orang (6.9 %) memiliki sijil kemahiran, 5 orang (17.2 %) mempunyai Diploma, 16 orang (55.2 %) mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan hanya seorang (3.4 %) memiliki Ijazah Sarjana. Selain itu, majoriti iaitu seramai 9 orang (31.0 %) responden bekerja di dalam bidang profesional, 8 orang (27.6 %) pelajar, 7 orang (24.1 %) tidak bekerja dan 5 orang (17.2 %) sebagai pekerja sokongan. Bagi status perkahwinan responden pula, seramai 28 orang (96.6 %) responden adalah bujang dan hanya seorang (3.4 %) responden telah berkahwin.

### ii. *Tahap Homofobia Dalaman*

Hasil analisis deskriptif bagi homofobia dalaman menunjukkan tahap homofobia dalaman responden adalah tinggi dengan min sebanyak  $M=64.45$  ( $S.P=10.56$ ) dengan skor minimum adalah 34 dan skor maksimum adalah 80. Majoriti responden iaitu seramai 21 orang (72.7 %) mempunyai skor homofobia

dalaman yang tinggi, 5 orang (17.0 %) mempunyai skor homofobia dalaman yang rendah dan hanya 3 orang (10.3 %) mempunyai skor homofobia dalaman yang sederhana. Selain itu, hasil analisis ANOVA satu hala pula didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan homofobia dalaman mengikut umur responden,  $F(3, 25) = 1.756$ ,  $k > 0.05$  (Jadual 1).

### iii. Faktor Lelaki Gay Berkahwin

Analisa data kualitatif mengeluarkan 11 tema bagi soalan faktor lelaki gay berkahwin dan 10 tema bagi soalan faktor lelaki gay tidak berkahwin. Walau bagaimanapun hanya empat tema utama bagi setiap soalan dilaporkan. Berikut adalah empat tema utama yang terbentuk sebagai faktor mengapa lelaki gay memilih untuk berkahwin iaitu (1) untuk mendapatkan zuriat, (2) timbul kesedaran merubah identiti seksual, (3) desakan keluarga dan (4) damba

**Jadual 1:** Analisis ANOVA Satu Hala Perbezaan Tahap Homofobia Dalaman dalam Kalangan Lelaki Gay berdasarkan Umur

Faktor		JKD	dk	MKD	F
Homofobia dalaman	Antara Kumpulan	544.022	3	181.341	1.756
	Dalam Kumpulan	2581.150	25	103.246	
	Jumlah	3125.172	28		

\*Aras kesignifikanan pada  $k < 0.05$

cinta wanita. Bagi tema mendapatkan zuriat seramai 15 orang (51.72 %) tergolong di bawah tema ini. Ini menunjukkan lelaki gay dalam kajian ini mempunyai keinginan yang kuat untuk memiliki keluarga dan anak-anak seperti mana juga lelaki heteroseksual; "Mahukan zuriat daripada diri sendiri" (responden 8). Sementara responden 17 pula menyatakan, "Saya mahu mendapatkan anak."



Bagi tema berikutnya iaitu kesedaran merubah identiti seksual seramai 9 orang responden (31.03%) tergolong di bawah tema ini. Tema ini menunjukkan responden mengalami homofobia dalaman yang tinggi dan berharap agar suatu hari nanti mereka berupaya melakukan perubahan terhadap identiti seksual daripada gay kepada heteroseksual selepas mereka berkahwin nanti. Berdasarkan kepada norma masyarakat tempatan, 'cara hidup normal' yang disebut kebanyakan responden merujuk kepada cara hidup heteroseksual. Selain itu, tema ini juga memerihalkan bahawa lelaki gay mempunyai harapan bahawa bakal isteri dapat membantu mereka keluar daripada tingkah laku homoseksual. Sebagai contoh responden 10 memberitahu, "Kemungkinan ada kesedaran sivik dan perubahan diri sendiri untuk menjadi seorang yang normal." Sementara itu, responden 29 menyatakan, "Kerana ingin menjadi seperti lelaki normal yang lain" sebagai faktor merubah identiti seksual beliau.

Tema ketiga dan keempat iaitu desakan keluarga dan damba cinta wanita oleh 7 orang (24.14 %) responden. Desakan keluarga untuk berkahwin biasanya dipengaruhi oleh faktor umur yang meningkat serta pegangan agama yang kuat di dalam sesebuah keluarga (Pearcey, 2005). Hal ini dirasai oleh responden 1 yang menyatakan beliau didesak oleh keluarga untuk berkahwin, "Family pun asyik tanya juga..." Sementara itu, terdapat juga responden yang ingin berkahwin bagi merasai cinta seorang wanita. Hal ini dikongsi oleh responden 16 yang meluahkan, "Untuk merasai kasih sayang daripada seorang wanita." Dapatan keseluruhan taburan kekerapan tema jawapan responden bagi soalan faktor lelaki gay berkahwin adalah seperti Jadual 2.

**Jadual 2:** Taburan Kekerapan Tema Faktor Lelaki Gay Berkahwin

<b>Tema</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Untuk mendapatkan zuriat	15	51.72
Mendapat kesedaran untuk ubah	9	31.03

cara hidup kepada normal		
Kerana Desakan keluarga	7	24.14
Damba cinta wanita	7	24.14
Menjaga maruah dan menutup aib diri dan keluarga	4	13.8
Umur sudah meningkat	3	10.34
Ikhlas dan simpati kepada wanita	2	6.9
Perlukan teman hidup untuk mengelak kesunyian	2	6.9
Kerana tuntutan agama	2	6.9
Bersedia untuk memberi komitmen dalam perkahwinan	2	6.9
Ingin mencuba	1	3.45

*i. Faktor Lelaki Gay Tidak Berkahwin*

Dapatan bagi soalan alasan responden tidak berkahwin mengenal pasti empat tema utama iaitu (1) tidak yakin melakukan seks dengan wanita (20.7%), (2) risau terhadap kemampuan mencintai wanita (17.24%), (3) tidak mahu mengecewakan wanita tersebut (10.3%) dan (4) sukar mencari jodoh (10.3%). Bagi tema pertama seramai 6 orang (20.7 %) tergolong dalam tema ini. Para responden merasakan keinginan seksual sedia ada terhadap lelaki akan menyukarkan mereka untuk melakukan hubungan seks dengan wanita selain turut risau tidak mendapat kepuasan seksual daripada hubungan bersama seorang wanita. Berikut adalah antara respons yang ditulis responden: “tidak yakin dengan kemampuan seksualiti terhadap wanita” (responden 6) dan “dikhuatiri tidak dapat puas dari sudut seksual” (responden 25).

Selain daripada kurangnya keyakinan untuk melakukan hubungan seks dengan wanita, lelaki gay juga tidak cenderung untuk memilih berkahwin atas sebab risau terhadap kemampuan mencintai wanita. Tema ini mempunyai kekerapan kedua tertinggi. Seramai 5 orang (17.24%) responden

menyatakan kerisauan terhadap kemampuan mereka. Lelaki gay yang dikaji ini berpendapat bahawa mereka kurang berkeyakinan untuk mempunyai hubungan dengan wanita atas alasan gusar dasar percintaan mereka dengan perempuan tidak akan sama dengan percintaan mereka terhadap lelaki. Sebagai contoh responden 19 menjawab, “Bimbang tidak mampu mencintai dan menyayangi wanita seperti lelaki.”

Kerisauan lelaki gay untuk mencintai wanita mempunyai alasannya yang tersendiri. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian Tornello dan Patterson (2012) yang mendapati bahawa lelaki gay yang mempunyai hubungan dengan wanita didapati kurang kasih sayang berbanding lelaki gay yang mempunyai hubungan dengan lelaki lain. Selain itu, dari sudut kepuasan hubungan pula, lelaki gay merasa lebih puas dalam perhubungan bersama lelaki berbanding mempunyai hubungan dengan wanita (Tornello & Patterson, 2012).

Bagi tema ketiga dan keempat iaitu tidak mahu mengecewakan wanita tersebut dan sukar mencari jodoh masing-masing mempunyai seramai 3 orang (10.34 %) orang responden. Lelaki gay di dalam kajian ini berpendapat bahawa mereka tidak cenderung untuk berkahwin dengan wanita bukan sahaja risau tidak dapat melakukan hubungan seks dengan wanita mahupun sekadar menjalin perasaan cinta kepada wanita tetapi mereka juga risau jika selepas berkahwin nanti mereka akan merosakkan harapan dan mengecewakan wanita yang dikahwini; “Tidak mahu merosakkan harapan orang lain” (responden 21). Hal yang lebih kurang sama dikongsi oleh responden 22, “tidak mahu menganiaya wanita tersebut.”

Bagi tema sukar mencari jodoh, para responden berpendapat bahawa mereka sukar untuk mencari teman wanita yang serasi dan boleh memahami mereka. Mereka juga seperti lelaki heteroseksual yang mempunyai ciri-ciri wanita idaman tersendiri. Misalnya responden 7 menyatakan, “belum bertemu jodoh yang sesuai dan serasi...” manakala responden 26 pula menyatakan “tak jumpa wanita yang jadi idaman.”

Sebenarnya apa yang berlaku di sebalik tema ini adalah lelaki gay ingin mencari wanita yang dapat memahami dan menerima diri mereka sebagai seorang homoseksual. Hal ini adalah kerana ramai wanita tidak memahami dan tidak dapat menerima suami mereka seorang homoseksual dan akhirnya mencetuskan perceraian. Sekiranya ada kesefahaman dan toleransi antara lelaki gay dan wanita di dalam perkahwinan mereka, perkahwinan ini boleh diteruskan (Yarhouse, Gow & Davis, 2009). Dapatan keseluruhan bagi faktor lelaki gay tidak berkahwin adalah seperti Jadual 3.

**Jadual 3:** Taburan Kekerapan Tema Faktor Lelaki Gay Tidak Berkahwin

Tema	Kekerapan	Peratusan (%)
Tidak yakin untuk melakukan seks dengan wanita	6	20.70
Risau tidak mampu cinta kepada wanita	5	17.24
Tidak mahu mengecewakan wanita tersebut	3	10.34
Sukar mencari jodoh	3	10.34
Belum terbuka hati untuk kahwin	2	6.9
Belum pulih daripada masalah homoseksual	2	6.9
Masih mahu mencari wang untuk perkahwinan	2	6.9
Tidak boleh melupakan sejarah silam	1	3.45
Wanita tidak memahami lelaki	1	3.45
Risau wanita tidak boleh terima homoseksual	1	3.45

Secara keseluruhannya, rumusan yang dapat dibuat daripada hasil dapatan kajian ini adalah homofobia dalaman yang tinggi sememangnya memberikan pengaruh kepada lelaki gay di dalam kecenderungan mereka untuk berkahwin.

Keputusan mendapati sebab utama berkahwin adalah untuk mendapatkan cahaya mata manakala alasan utama untuk tidak berkahwin pula adalah kerisauan yang tinggi di dalam menjalinkan hubungan seks dengan wanita.

## **PERBINCANGAN**

Kajian mendapati tahap homofobia dalaman yang dialami oleh lelaki gay yang dikaji berada di tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa lelaki gay di Malaysia khususnya yang berbangsa Melayu mempunyai sikap dan pandangan negatif terhadap diri sendiri dan identiti seksual mereka. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Frost dan Meyer (2009) yang turut menunjukkan tahap homofobia dalaman di dalam sampel mereka adalah tinggi. Terdapat beberapa faktor seperti penerimaan masyarakat umum terhadap golongan homoseksual yang menyebabkan perbezaan tahap homofobia dalaman yang dialami oleh lelaki gay (Hudson & Ricketts, 1980). Di Malaysia, masyarakat secara umum masih tidak boleh menerima isu gay secara terbuka. Ini adalah kerana ia bertentangan dengan budaya dan amalan agama yang diamalkan oleh masyarakat setempat. Tambahan agama rasmi Malaysia adalah agama Islam yang sememangnya melarang amalan gaya hidup gay. Sebaliknya, festival Seksualiti Merdeka telah terbentuk bermula 2008 dengan agenda menuntut hak kebebasan untuk mengekspresikan seksualiti masing-masing. Festival tahunan ini menyajikan pelbagai aktiviti seperti ceramah, forum, bengkel, seni, teater, tayangan filem dan pelbagai lagi acara dalam memupuk kesedaran umum dalam membantu golongan homoseksual meminimumkan homofobia yang diterima daripada masyarakat (Seksualiti Merdeka, 2012). Namun, penganjuran Seksualiti Merdeka 2011 telah diharamkan oleh pihak polis atas alasan penganjuran festival ini akan memusnahkan hak kebebasan beragama yang diamalkan di Malaysia. Ini rentetan pihak polis telah menerima pelbagai aduan daripada badan bukan kerajaan Islam dan bukan Islam yang kluatir festival ini boleh

mengganggu keharmonian, mencetus perbalahan dan mengganggu ketenteraman awam (Shazwan, 2011).

Selain itu, di Malaysia tidak banyak tempat di mana lelaki gay boleh mendapatkan bantuan dan sokongan sosial. Terdapat beberapa laman maya yang memberikan sokongan sosial bagi lelaki gay yang inginkan sokongan sosial seperti *Queer Malaysians*, *Tilted World* dan *forPLU*. Bagi sokongan bersemuka PT Foundation adalah merupakan antara satu-satunya tempat di mana sokongan sosial seperti runding cara dan kaunseling boleh diperoleh. Berbanding di negara barat pertubuhan seperti *Gay and Lesbian Advocates and Defenders*, *The Campaign for Homosexual Equality*, *Al-Fatiha* dan *Imaan* adalah sebahagian daripada pertubuhan yang menyediakan perlindungan, sokongan emosi serta sosial bagi yang memerlukan. Frable et al. (1998) mendapati golongan gay yang mendapatkan khidmat sokongan sosial daripada pusat-pusat seumpama ini mempunyai penghargaan sendiri yang lebih tinggi. Golongan gay yang mempunyai homofobia dalaman umumnya merasa rendah diri, rasa bersalah, imej sendiri yang negatif, mempunyai pandangan negatif terhadap diri sendiri, menghadapi konflik dalaman, benci pada diri sendiri yang terhasil daripada stigma masyarakat dan merasa diri tidak perlu wujud (Cabaj, 1996; Gonsiorek, 1988; Herek et al., 1997; Malyon, 1981; Meyer & Dean, 1998; Plumer, 1996; Stein, 1993). Oleh itu, perlu ada tempat-tempat yang boleh memberikan sokongan sosial untuk membolehkan lelaki gay menangani konflik diri dan persekitaran. Tambahan kaunselor dan golongan profesional lain juga perlu bersifat lebih empati dan menerima tanpa syarat lelaki gay yang datang mendapatkan apa jua pertolongan. Jika hal ini dapat dilaksanakan lelaki gay berkemungkinan akan merasakan diri mereka lebih diterima dalam masyarakat.

Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan tahap homofobia dalaman mengikut umur responden. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Reilly dan Rudd (2006) namun tidak dinafikan ada kalanya tahap

homofobia ini berubah-rumah mengikut keadaan semasa. Sebagai contoh, kebiasaannya tahap homofobia berada di tahap yang tinggi di awal pembentukan identiti gay, setelah berkahwin dan selepas bercerai.

Kajian ini turut mendapati empat faktor utama yang menjadi sebab golongan gay tempatan berhasrat untuk berkahwin dengan wanita selari dengan beberapa kajian lepas sebelum ini seperti untuk menyembunyikan identiti homoseksual (Ross, 1983), untuk kelihatan normal serta mahukan anak dan keluarga (Higgins, 2002), kerana tekanan sosial, desakan keluarga dan ingin hidup secara normal dan sihat (Pearcey, 2005) serta untuk mendapat penerimaan sosial yang hanya boleh didapati melalui perkahwinan (Cadwell, 2004). Namun sebab utama yang mendorong lelaki gay untuk berkahwin adalah faktor homofobia dalaman yang dialami oleh mereka. Hal ini turut selari dengan kajian sebelum ini yang jelas membuktikan bahawa homofobia dalaman memainkan peranan yang penting di dalam menentukan kecenderungan lelaki gay memilih untuk berkahwin dengan wanita (Higgins, 2002; Ross, 1983). Faktor seperti ingin zuriat, ingin kelihatan normal dan desakan keluarga hanyalah faktor luaran sahaja.

Dalam masa yang sama, kajian ini juga telah menemui empat faktor utama yang menjadi alasan lelaki gay untuk tidak berkahwin dengan wanita. Kesemua tema yang ditemui jelas menunjukkan bahawa golongan gay memilih untuk tidak berkahwin dengan wanita kerana tidak mahu memberikan masalah kepada isteri mereka di kemudian hari. Mereka sedar bahawa alasan mengahwini wanita hanya disebabkan untuk menutup identiti homoseksual mereka di hadapan keluarga dan rakan-rakan tidak akan kekal lama (Dorothea & Aurele, 1989). Selain itu, perkahwinan ini turut disedari akan memberikan kesan buruk kepada isteri dan anak yang dilahirkan (Wolkomir, 2004). Oleh yang demikian, masalah homofobia dalaman yang dialami oleh lelaki gay menyebabkan mereka memilih jalan selamat untuk tidak mengadakan apa-apa hubungan intim dengan wanita (Meyer & Dean, 1998).

## KESIMPULAN

Tanpa persediaan mental yang rapi, homofobia dalaman berupaya memberi kesan yang signifikan kepada kehidupan lelaki gay dalam memilih kehidupan berkeluarga. Faktor mendapatkan zuriat, kesedaran merubah identiti seksual, desakan keluarga dan damba cinta wanita menjadi alasan-alasan utama sekiranya lelaki gay memilih untuk berkahwin dengan wanita. Sebaliknya, jika mereka memilih untuk tidak berkahwin pula, alasan tidak yakin melakukan hubungan seks dengan wanita, risau terhadap kemampuan mencintai wanita, tidak mahu mengecewakan wanita tersebut dan sukar mencari jodoh menjadi antara alasan utama. Kesemua alasan-alasan ini berkait dengan faktor homofobia dalaman yang dialami oleh mereka. Golongan ini boleh dibantu untuk berubah jika pusat-pusat sokongan sosial untuk homoseksual diperbanyakkan dan masyarakat bekerjasama untuk tidak mengancam serta mendiskriminasikan mereka. Jika adanya kerjasama daripada semua pihak dan adanya sikap saling membantu, maka masalah homoseksualiti akan dapat dikurangkan.

## RUJUKAN

- Ahmann, E. (1999). Working with families having parents who are gay or lesbian. *Pediatric Nursing*, 25(5), 979-805.
- Bailey, J. M. & Pillard, R. C. (1991). A genetic study of male sexual orientation. *Archives Of General Psychiatry*, 48, 1089-1094.
- Bartholow, B. N., Doll, L. S., Douglas, J. M. Jr., Bolan, G., Harrison, J. S., Moss, P. M., & McKrinnan, D. (1994). Emotional, behavioural and HIV risks associated with sexual abuse among adult homosexual and bisexual men. *Child Abuse & Neglect*, 18(9), 747-761.
- Beitchman, J. H., Zucker, K. J., Hood, J. E., daCosta, G. A., Akman, D., & Cassvia, E. (1992). A review of the long term effects of child abuse. *Child Abuse & Neglect*, 16(1), 101-118.



- Bigner, J. J. (1996). Working with gay fathers: developmental, post-divorce parenting, and therapeutic issues. In J. Laird & R. Green (Eds.), *Lesbians and gays in couples and families: A handbook for therapists* (Pp. 370-403). San Francisco: Jossey-Bass.
- Black, C. A., & Deblasse, R. R. (1993). Sexual abuse in male children and adolescents: Indicator, effects, and treatment. *Adolescence*, 28(109), 123-133.
- Bozett, F. W. (1982). Heterogeneous couples in heterosexual marriages: Gay men and straight women. *Journal of Marital and Family Therapy*, 8(1), 81-89.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Buxton, A. (2006). Healing an invisible minority: How the straight spouse network has become the prime source of support for those in mixed-orientation marriage. *Journal of LGBT Family Studies*, 2(3), 49-69.
- Buxton, A. & Schwartz, L. (2004). Straight spouses speak out: Implications for gay and lesbian marriage. *California Journal of Health Promotion*, 2, 24-31.
- Carballo-Diequez, A., & Dolezal, C. (1995). Association between history of childhood sexual abuse and adult HIV-risk sexual behaviour in Puerto Rican men who sex with men. *Child Abuse & Neglect*, 19(5), 595-605.
- Cabaj, R. P (1996). Sexual orientation of the therapist. In R. P Cabaj & T.S. Stein (Eds.), *Textbook of homosexuality and mental health* (Pp. 513-524). Washington, DC: America Psychiatric Press.
- Cadwell, J. (2004). Gay men, straight lives. *Advocate*, 924, 55-57.
- Chris, B., Trapence, G., Motimedi, F., Umar, E., Lipinge., Dausab, F., & Baral, S. (2010). Bisexual concurrency, bisexual partnerships, and HIV among Southern African men who sex with men. *Sexually Transmitted Infection*, 86(4), 18-18.

- Cochran, S. D., Sullivan, J. G., & Mays, V. M. (2003). Prevalence of mental disorders, psychological distress, and mental health services use among lesbian, gay, and bisexual adults in the United States. *Journal of Consulting and Clinical Psychology, 71*(1), 53-61.
- Corley, M. D., & Kort, J. (2006). The sex addicted mixed-orientation marriage: Examining attachment style, internalized homophobia and viability of marriage after disclosure. *Sexual Addiction & Compulsivity: The Journal of Treatment and Prevention, 13*(2), 167-193.
- Creswell, J. W. and Plano Clark, V. L. (2008). *The mixed methods reader*. Thousand Oaks, Calif.: Sage Publications.
- Dimock, P. T. (1998). Adult males sexually abuse as children: Characteristics and implications for treatment. *Journal of Interpersonal Violence, 3*(2), 203-221.
- Dorothea, H., & Aurele, S. (1989). Heterosexual women's perceptions of their marriages to bisexual or homosexual men. *Journal of Homosexuality, 18*(1/2), 81-121.
- Frable, D. E. S., Platt, L., & Hoey, S. (1998). Concealable stigmas and positive self perceptions: Feeling better around similar others. *Journal of Personality and Social Psychology, 74*(4), 909-922.
- Freud, S. (1949). *An outline of psychoanalysis*. New York: W. W. Norton & Company Inc.
- Frost, D. M., & Meyer, I. H. (2009). Internalized homophobia and relationship quality among lesbians, gay men, and bisexuals. *Journal of Counseling Psychology, 56*(1), 97-109.
- Gonsiorek, J.C. (1988). Mental health issues of gay and lesbian adolescents. *Journal of Adolescent Health Care, 9*(2), 114-122.
- Herek, G. M. *et al.* (1997). Correlates of internalized homophobia in a community sample of lesbians and gay men. *Journal of The Gay and Lesbian Medical Association, 2*, 17-25.

- Hernandez, B. C & Wilson, C. M. (2007). Another kind of ambiguous loss: Seventh-day Adventist women in mixed-orientation marriages. *Family Relations*, 56(2), 184-195.
- Higgins, D. J. & McCabe, M. P. (1994). The relationship of child sexual abuse and family violence to adult adjustment: Toward an integrated risk-sequel model. *Journal of Sex Research*, 31, 255-266.
- Higgins, D. J. (2002). Gay men from heterosexual marriages. *Journal of Homosexuality*, 42(2), 15-34.
- Higgins, D. J. (2004). Differences between previously married and never married 'gay' men. *Journal of Homosexuality*, 48(1), 19-41.
- Hudson, W., & Ricketts, W. A (1980). A strategy for measurement of homophobia. *Journal of Homosexuality*, 5(4), 357-371.
- Johnson, R. L., & Shrier, D. K. (1985). Sexual victimization of boys: Experience at an adolescent medicine clinic. *Journal of Adolescent Health Care*, 6(11), 372-376.
- Kaye, B. (2012). *Gay husbands*. Retrieved December 11, 2012 from <http://www.gayhusbands.com/>.
- Kort, J. (2005). The new 'mixed' marriage. *Psychotherapy Networker*, 29, 128-133.
- Malinosky-Runmell, R., & Hansen, D. J. (1993). Long term consequences of childhood physical abuse. *Psychological Bulletin*, 114(1), 68-79.
- Myers, M. F. (1989). Men sexually abused as adult and sexually abuse as boys. *Archives of Sexual Behaviour*, 18(3), 203-215.
- Malyon, A. K (1981-1982). Psychotherapeutic implications of internalized homophobia in gay men. *Journal of Homosexuality*, 7(2/3), 59-69.
- Matteson, D. R. (1987). The heterosexually married gay and lesbian parent. In F. W. Bozett (Ed.), *Gay and Lesbian Parents* (Pp. 138-161). Greenwood Press: United States of America

- Meyer, I. And Dean, L. (1998). Internalized homophobia, Herek, G. (Ed.), *Stigma and Sexual Orientation*. Sage, Thousand Oaks, CA, pp. 160-186.
- Nagell, B. H. (2011). *Coping and healing for the straight Research Paper*. Masters Thesis. Adler Graduate School.
- Nash, M. R., Hulse, T. L., Sexton, M. C, Harralson, T. L & Lambert, W. (1993). Long-term sequel of childhood sexual abuse: Perceived family environment, psychopathology, and dissociation. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 61(2), 276-283.
- Patterson , C. J. & Tornello, S. L (2012). Gay fathers in mixed-orientation relationship: Experiences of those who stay in their marriages and of those who leave. *Journal of GLBT Family Studies*, 8( 1), 85-98.
- Pearcey , M. (2005). Gay and bisexual married men's attitudes and experiences: Homophobia, reasons for marriage, and self-identity. *Journal of GLBT Family Studies*, 1(4), 21-38.
- Pierce, A. B. (2001). Writing our own script: How bisexual men and their heterosexual wives maintain their marriage after disclosure. *Journal of Bisexuality*. 1(2), 155-189.
- Plummer, K. (1996). *Telling sexual stories*. London: Routledge.
- Ross, M. W. (1979). Heterosexual marriage of homosexual males: Some Associated Factors. *Journal of Sex and Marital Therapy*, 5(2), 142-151.
- Ross, M. W. (1983). *The married homosexual man: A psychological study*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Shazwan Mustafa Kamal. (2011). Police ban 'Seksualiti Malaysia' festival. Muat turun Disember 18, 2014 daripada <http://www.themalaysiainsider.com/malaysia/article/police-ban-seksualiti-merdeka-festival>.
- Seksualiti Merdeka. (2012). Muat turun Disember 22, 2012 daripada <http://www.seksualitimerdeka.org/>

- Stein, T. S. (1993). Overview of new developments in understanding homosexuality. In J.M Oldham, M.B. Riba, & A. Tasman (Eds.) *Review of Psychiatry* (vol. 12, pp.9-40). Washington, DC: American Psychiatric Press.
- Subhi, N. & Geelan, D. (2012). When Christianity and homosexuality collide: Understanding the potential intrapersonal conflict. *Journal of Homosexuality*, 59(10), 1382-1402.
- Van De Ven, P., Rodden, P., Crawford, J., & Kippax, S. (1997). A comparative demographic and sexual profile of older homosexually active men. *Journal of Sex Research*, 34(4), 349-360.
- Wagner, G., Serafini, J., Rabkin, J., Remien, R., & Williams, J. (1994). Integration of one's religion and homosexuality: A weapon against internalized homophobia? *Journal of Homosexuality*, 26(4), 91-109.
- Wolkomir, M. (2004). Giving it up to god: Negotiating femininity in support groups for wives of ex-gay Christian men. *Gender & Society*, 18(6), 735-755.
- Yarhouse, M. A., Gow, C. H., & Davis, E. B. (2009). Intact marriage in which one partner experiences same-sex attraction: A 5 year follow-up study. *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, 17(4), 329-334.

# Ψ JURNAL PSIKOLOGI

MALAYSIA

Bilangan/Number 28 (2)

ISSN 0127-8029

2014

**Haikal Anuar Adnan, Asmawati Desa, Wan Shahrazad Wan Sulaiman,  
Mohamad Irwan Ahmad & Daniella Maryam Mokhtar**  
Emotional Intelligence and Religious orientation among Secondary School  
Students

**Nasrudin Subhi, Mohd Radzi Tarmizi A Halim, Ezarina Zakaria &  
Salinan Nen**  
Pengaruh Homofobia Dalaman terhadap Perkahwinan Lelaki Gay

**Ili Nabila Norsilan, Zoharah Omar & Aminah Ahmad**  
Workplace Deviant Behavior: Does Employee Psychological Job Demand  
and Lack of Job Resources Influence Employee Workplace Deviant  
Behavior?



**Jurnal Psikologi Malaysia**  
(*Journal of Malaysian Psychology*)

